

FAKTOR-FAKTOR KETERANCAMAN BUDAYA MATERIAL MASYARAKAT ORANG ASLI CHE WONG¹

Jamilah Bebe binti Mohamad
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang, MALAYSIA
ella_jamilahbebe@yahoo.com

Anis Nabilla binti Ahmad
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang, MALAYSIA
anis.nabilla.ahmad118@gmail.com

Jamal Rizal bin Razali
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang, MALAYSIA
jamalrizal@ump.edu.my, razalirizal@gmail.com

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan satu aspek khusus dalam masyarakat Che Wong, iaitu budaya material yang dikategorikan sebagai salah satu unsur "local wisdom" (kearifan tempatan). Istilah ini merujuk kepada pengetahuan eksplisit yang telah wujud atau muncul dalam jangka waktu yang panjang dan berevolusi dengan masyarakat dan dialami secara bersama. Kearifan tempatan wujud dalam bahasa, kemahiran, produk, sistem dan seni yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat dan menjadi tanda pengenal mereka. Bagi masyarakat Orang Asli Che Wong yang tinggal di Kuala Gandah, Temerloh ini, terdapat beberapa kemahiran yang diwarisi daripada generasi terdahulu yang masih diamalkan sehingga kini dan boleh dikategorikan sebagai kearifan tempatan. Walau bagaimanapun, berdasarkan data yang dikutip menggunakan pendekatan kualitatif, terdapat beberapa kemahiran tempatan masyarakat ini sedang mengalami proses pengusangan. Hal ini berlaku kerana terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi komuniti Che Wong ini tidak mengamalkannya. Sekiranya tiada sebarang usaha mendokumentasikannya dan pewarisan, dikhuatiri kearifan tempatan milik masyarakat ini akan pupus buat selama-lamanya. Hal ini merupakan satu petanda kepada kehilangan identiti atau tanda pengenal masyarakat Che Wong ini.

Kata kunci: orang asli, Che Wong, budaya material, kearifan tempatan

PENGENALAN

Kearifan tempatan ataupun nama lainnya *local wisdom* ditakrifkan sebagai kefahaman, kemahiran dan falsafah yang dikembangkan oleh komuniti yang mempunyai sejarah panjang melalui interaksi dengan persekitaran semula jadi mereka sebagai sesuatu yang unik dan khas, dimiliki oleh sesebuah masyarakat atau kumpulan yang tertentu di suatu kawasan tertentu (Hiwasaki et al, 2014). Selain itu, kearifan tempatan juga dikatakan dimiliki secara kolektif dan hadir melalui pelbagai bentuk. Hal ini selari dengan perbincangan Jamal Rizal, 2011 yang telah menyatakan bahawa salah satu kearifan tempatan yang dapat dilihat ialah budaya material, kesenian, adat, ritual, bahasa, kepercayaan dan lain-lain. Selain itu juga kearifan tempatan ini akan memberi gambaran kepada masyarakat luar mengenai perwarisan yang dimiliki oleh sesebuah komuniti lain.

Secara amnya kearifan tempatan ini sangat penting bagi sesebuah negara dan masyarakat kerana ianya merupakan komponen asas dalam ilmu pengetahuan sesebuah negara khususnya. Disamping itu, melalui kearifan tempatan ini juga akan memastikan keutuhan khazanah sesebuah masyarakat. Hal ini turut dinyatakan-oleh World Bank, 1997 yang menyatakan:

"the basic component of any country's knowledge system is its indigeneous knowledge encompasses the skills, experinces and insights of people, applied to maintain or improve their livelihood"

Seterusnya, C. Nicholas, C, (2000) menyebut bahawa kebudayaan merupakan cara hidup manusia yang meliputi hasil-hasil kehidupan kelompok yang bercorak kebendaan dan bukan kebendaan. Budaya kebendaan atau material merupakan segala ciptaan manusia yang berbentuk objek-objek tertentu seperti alat, bangunan, senjata, kenderaan dan lain-lain. Budaya material

¹ Kertas kerja ini akan dibentangkan di 5th Kuala Lumpur Communication, Education, Language, & Social Science Conference (KLICELS) pada 19-20 November 2016 bertempat di Hotel Bangi, Putrajaya MALAYSIA. Kertas kerja ini juga hasil daripada geran projek penyelidikan FRGS nombor rujukan RDU150108 (Kajian Tahap Keterancaman Bahasa Che Wong).

adalah budaya yang boleh dilihat, disentuh, dirasa dan mempunyai bentuk fizikal seperti komputer, telefon bimbit dan lain-lain lagi (A. Rahman, H. Ahmad, N. & A. Wahab, S.R., 2009). Namun demikian sejak kebelakangan ini kecenderungan untuk mempertahankan kearifan tempatan dalam aspek kebudayaan (budaya material) kian terancam dalam kalangan masyarakat khususnya dalam masyarakat pribumi. Sebagai contoh budaya material yang semakin mengusang dalam kalangan masyarakat peribumi ialah keupayaan mereka menghasilkan kraftangan daripada sumber alam semulajadi seperti buluh. Oleh kerana demikian, pengkaji memilih untuk meneliti faktor yang mengancam kearifan tempatan dalam budaya material masyarakat pribumi atau orang asli.

ORANG ASLI DI MALAYSIA

Hasan Mat Nor, 1988 telah mengemukakan takrifan masyarakat peribumi menurut klasifikasi perundangan yang mana terdapat dua kelompok warga peribumi di Malaysia iaitu bumiputera dan Orang Asli. Masyarakat Orang Asli merupakan sebuah masyarakat minoriti peribumi yang tinggal di Semenanjung Malaysia. Majoriti daripada mereka tinggal di kawasan hutan dan masih mengamalkan cara hidup tradisional yang banyak dipengaruhi oleh alam sekitar dan amalan warisan tinggalan nenek moyang mereka. Kerajaan Malaysia telah memberi gelaran baru iaitu Orang Asli sebagai memberi pengiktirafan kepada masyarakat ini sebagai peribumi yang terawal menetap di negara ini (Rosley, N. A., 2009).

Menurut Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2015 terdapat peruntukan perundangan yang menyebut Kewujudan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) di bawah *Aboriginal Peoples Ordinance* No. 3, 1954 yang telah dipinda pada tahun 1974, penetapan istilah dan kelayakan untuk dikatakan sebagai komuniti Orang Asli telah dijelaskan dengan terperinci. Berdasarkan Seksyen 3 dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), Orang Asli ditakrifkan seperti berikut:

- i) mana-mana yang bapanya ialah ahli daripada kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seorang keturunan melalui lelaki itu;
- ii) mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa budak oleh Orang Asli dan yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli; atau
- iii) anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh JAKOA (2012), terdapat seramai 141,230 anggota masyarakat Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, hampir separuh atau lebih tepat lagi seramai 50,792 anggota masyarakat Orang Asli tinggal di negeri Pahang Darul Makmur. Seterusnya berdasarkan pecahan pula, terdapat tiga kaum utama yang diam di negeri Pahang iaitu, Negrito (780), Senoi (23,210) dan Melayu Proto (26,892).

Che Wong merupakan salah satu daripada 18 suku kaum Orang Asli yang tergolong dalam subgroup Senoi yang sedang mengalami penyusutan jumlah anggota komunitinya. Bahasa yang dituturkan ialah Bahasa Che Wong dapat dikategorikan dalam Bahasa Aslian (keluarga Bahasa Mon-Khmer) (Signe Howell 2007:65) atau Bahasa Asli Utara.

Jadual 1: Populasi mengikut kaum tahun 2006 dan 2010

Kategori	Populasi 2006	Populasi 2010
Negrito	4,001	3,671
Senoi	81,826	79,155
Melayu Proto	61,585	58,404
JUMLAH	147,412	141,230

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Populasi (JAKOA), 2010

ASAL USUL CHE WONG

Masyarakat Che Wong dianggap masyarakat yang istimewa dan unik di negara ini kerana masyarakat ini mempunyai pelbagai versi pendapat untuk memperjelaskan asal-usul mereka. Kesemua versi pendapat ini disampaikan dari satu generasi kepada satu generasi mereka untuk diketahui dan seterusnya disampaikan kepada generasi muda hari ini. Terdapat sekurang-kurangnya tiga versi pendapat kisah asal-usul masyarakat ini (wawancara bersama Ustazah Zaliah Ali dan Aki Kerpan).

Bagi pendapat versi pertama mengatakan mereka ini adalah keturunan Tuhan. Mereka turun ke bumi dan mendarat di pergunungan Indo-China iaitu sebuah bukit yang paling tinggi di pergunungan Pnom Phen, Vietnam. Mereka turun dua beradik lelaki dan berjalan kaki dan berhenti di Thailand. Salah seorang daripadanya tidak mahu meneruskan perjalanan dan tinggal di Thailand, menjadi raja dan keturunannya kekal memerintah sehingga hari ini. Seorang lagi adiknya, meneruskan perjalanan melalui banjaran Titiwangsa dan berhenti di Gunung Benom.

Di sini, beliau menetap dan menjadi Raja di Hulu Sungai. Keturunannya kekal hingga sekarang mendiami kawasan ini iaitu di Lanchang, Temerloh dan di Raub. Mereka dikatakan sering berulang-alik antara kedua-dua tempat merentasi banjaran Titiwangsa. "Che" dikatakan bermaksud "Tuan" atau "Tuhan" dan "Wong" bermaksud "orang". Dalam hal ini, mereka adalah tuan atau Tuhan kepada orang-orang atau manusia.

Versi yang kedua pula mengatakan bahawa mereka merupakan keturunan Raja di sebuah negara di Indo-China, bernama "Che". Beliau mencintai seorang gadis orang kebanyakan bernama "Wong". Memandangkan Che adalah keturunan Raja yang juga merupakan keturunan dewa-dewa, maka beliau tidak boleh mengahwini manusia. Namun demikian, rasa cinta antara mereka terlalu kuat dan menyebabkan kedua-duanya lari ke banjaran Titiwangsa dan menemui Gunung Benom sebagai sebuah tempat yang sesuai untuk mereka diami. Mereka berkahwin, mempunyai keluarga dan beranak-pinak dan keturunan mereka hidup aman damai di kedua-dua belah banjaran Titiwangsa iaitu di Hutan Simpan Krau yang merangkumi Lanchang dan Ulu Dong.

Manakala versi yang ketiga pula mengatakan bahawa mereka ini adalah keturunan Sang Kelembai. Makhhluk ini berdua beradik iaitu Tak Ong dan Tatang (Harun Mat Piah, 2003) yang sentiasa bersaing dalam setiap perbuatan. Kebiasaannya, Tatang (adik) akan dapat mengatasi Tak Ong dan keadaan ini menyebabkan Tak Ong menyimpan dendam kepada adiknya sendiri. Walau bagaimanapun, Tak Ong sentiasa bernasib malang apabila matanya cedera dan telinganya putus semasa bertanding dengan adiknya menyebabkan dia menjadi buta dan tuli.

Bagi Tatang pula, dia pada awalnya merupakan sejenis makhhluk yang sentiasa gembira sehinggalah isteri dan anak-anaknya mati akibat keracunan buah perah. Dikatakan, setiap pokok perah yang dijumpainya akan dicabut kerana marah dan sakit hatinya dan dikatakan ketiadaan pokok perah di kawasan Kampung Dong dan Pulau Raya disebabkan oleh tindakannya. Walaubagaimanapun asal-usul perkataan atau nama Sang Kelembai tidaklah pula diketahui.

PERMASALAHAN KAJIAN

Tumpuan utama kajian ini ialah situasi budaya material masyarakat Che Wong. Berdasarkan pengamatan dan komunikasi dengan beberapa individu daripada masyarakat Che Wong ini, didapati bahawa terdapat beberapa kemahiran kerja tangan atau kraftangan yang dapat dikatakan sebagai identiti Che Wong ini didapati tidak lagi diwarisi oleh generasi baharu. Situasi ini menyebabkan produk budaya seperti baju kulit kayu, topi, lukah dan terendak tidak dapat dihasilkan secara meluas.

Hal ini dapat dikaitkan dengan penyusutan jumlah masyarakat Che Wong. Berasaskan kepada pandangan UNESCO, jumlah anggota suku kaum Che Wong ini merupakan satu petanda kepada keadaan atau status kelangsungan masyarakat Che Wong itu sendiri. Sehingga tahun 2012 (<http://www.ethnologue.com/language/cwg>) jumlah anggota komuniti Che Wong ini dianggarkan hanya tinggal seramai 450 ke 600 orang sahaja. Atas sebab tersebut, UNESCO telah menyenaraikan bahasa Che Wong sebagai salah satu bahasa terancam di dunia (UNESCO, <http://www.ethnologue.com/language/cwg>, dicapai pada 26 Januari 2015) dan berada pada tahap "6b threaten" (<http://www.ethnologue.com/language/cwg>).

Oleh yang demikian penyelidik beranggapan bahawa penyusutan nilai jumlah masyarakat ini juga yang menjadi faktor menyebabkan budaya material dan kemahiran membuat topi, lukah dan baju kulit mengalami kemerosotan, terancam dan usang. Di samping itu juga berdasarkan angka yang dinyatakan oleh pihak UNESCO ini telah menyebabkan penyelidik berpendapat bahawa kajian mengenai masyarakat Che Wong perlu dipergiatkan agar bahasa, kesenian dan kebudayaan masyarakat ini terus terpelihara dan dapat didokumentasikan.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor yang menyebabkan kearifan tempatan milik Orang Asli Che Wong ini, iaitu seni pembuatan baju kulit kayu, topi dan lukah semakin terancam. Secara khususnya, objektif bagi kajian ini ialah:

- a. Menenalpasti faktor yang mendorong budaya material masyarakat Che Wong terancam.
- b. Menenalpasti tahap persepsi anggota masyarakat Che Wong ini terhadap kearifan tempatan masyarakat mereka.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif yang melibatkan Orang Asli Che Wong di sekitar Kuala Gandah, Mukim Lanchang, Daerah Temerloh, Pahang. Informan yang ditemubual berasal dari empat buah kampung sekitar Kuala Gandah iaitu Kg. Beh, Kg. Kalau, Kg. Kuala Gandah dan Kg Sg. Enggang. Perkampungan ini terletak kira-kira 12 km dari pekan Lanchang dan 40km dari bandar Temerloh, Pahang.

Dalam kajian ini, satu set soalselidik dalam bentuk berstruktur disediakan, temubual separa struktur dengan beberapa informan berwibawa dilakukan serta pemerhatian sewaktu di lapangan. Set soal selidik yang disediakan terbahagi kepada beberapa sub-seksyen iaitu demografi, jenis penghasilan kraftangan dan faktor budaya material.

Set soal selidik kajian ini diedarkan kepada masyarakat Che Wong. Namun demikian terdapat juga set soal selidik yang dibacakan oleh pasukan penulis kepada masyarakat Che Wong. Hal ini demikian kerana terdapat masyarakat Che Wong yang tidak tahu membaca dan menulis. Selain daripada pengedaran soal selidik, kajian ini juga telah menjalankan wawancara bersama beberapa orang wakil Che Wong yang berwibawa. Wawancara ini telah direkodkan dalam bentuk audio dan video. Sebelum menjalankan rakaman audio dan video ini, penulis telah meminta persetujuan secara lisan kepada wakil Che Wong yang terlibat untuk merakam perbualan mereka. Kesemua data yang diperolehi telah dianalisis secara teliti bagi menjelaskan setiap objektif kajian ini.

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

Perbincangan akan terbahagi kepada latar belakang demografi masyarakat Che Wong, faktor-faktor penyumbang kepada keterancaman budaya material masyarakat Che Wong dan persepsi masyarakat Che Wong terhadap kearifan tempatan mereka. Berikut merupakan analisis dan perbincangan data yang diperolehi dalam kajian ini.

LATAR BELAKANG DEMOGRAFI MASYARAKAT CHE WONG

Kajian ini telah melibatkan seramai 78 orang responden yang terdiri daripada masyarakat Che Wong, iaitu 34 orang lelaki dan 44 orang perempuan. Jadual 2 di bawah menunjukkan maklumat demografi responden kajian.

Jadual 2: Maklumat demografi responden kajian

Latar Diri	Jumlah Responden	Peratusan %
Umur		
10-20	20	25
21-30	17	22
31-40	19	24
41-50	15	18
50 keatas	7	11
Jumlah	78	100
Jantina		
Lelaki	34	43.6
Perempuan	44	56.4
Jumlah	78	100
Agama		
Tradisi/Nenek Moyang	37	47.4
Islam	28	35.9
Kristian	13	16.7
Jumlah	78	100

Jadual ini menunjukkan bahawa golongan yang berusia 31 tahun dan kebawah lebih ramai berbanding dengan golongan yang berusia 51 tahun keatas iaitu dengan hanya 11% daripada keseluruhan responden. Manakala golongan wanita dilihat melebihi golongan lelaki berdasarkan jumlah responden ini, iaitu kaum wanita sebanyak 56.4 peratus dan lelaki hanya 43.5 % sahaja. Masyarakat Che Wong juga mempunyai agama tradisi nenek moyang mereka dan 47.4% daripada responden masih mengamalkan agama ini berbanding hanya 35.9% menganut agama Kristian dan 16.7 % mengamalkan ajaran agama Islam.

FAKTOR KETERANCAMAN BUDAYA MATERIAL MASYARAKAT CHE WONG

Terdapat enam faktor yang dikenal pasti sebagai pendorong kepada keterancaman budaya masyarakat material masyarakat Che Wong. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan hal ini dan jumlah peratusannya.

Jadual 3: Peratusan faktor pendorong budaya material masyarakat Che Wong terancam.

Faktor	Peratusan
Tak sesuai lagi dengan kami	95%
Tidak minat	92%
Sibuk dengan urusan/kerja lain	92%
Sukar	90%
Tiada nilai ekonomi	88%
Faktor lain-lain	
a. Sikap pemalu	39%
b. Khazanah hutan diganggu	50%
c. Perubahan sosial	54%

Faktor tidak sesuai menunjukkan peratusan paling tinggi iaitu sebanyak 95% dan diikuti dengan faktor tidak minat dan sibuk dengan urusan dan kerja lain iaitu sebanyak 92%. Manakala faktor sukar ialah sebanyak 90% dan tiada nilai ekonomi iaitu sebanyak 88%. Selain itu bagi faktor lain-lain terdapat tiga pecah iaitu sikap pemalu, khazanah hutan diganggu dan perubahan social. Perbincangan lanjut kesemua faktor ini adalah seperti di bawah.

i. Faktor Pertama : Tidak Minat

Berdasarkan pengamatan dan hasil temubual yang dilakukan di kawasan kajian, didapati bahawa golongan belia Che Wong telah hilang minat terhadap pewarisan khazanah nenek moyang. Pendedahan terhadap dunia luar juga telah menyebabkan mereka kian meninggalkan warisan ini. Kebanyakan responden belia yang ditemubual mengakui hilang minat terhadap kesenian ini kerana lebih terpengaruh dengan perkembangan dunia khususnya seperti sibuk berkerja, sibuk belajar, kolot dan ketinggalan zaman. Jadual 4 berikut menunjukkan peratusan masyarakat Che Wong yang sudah tidak meminati pembuatan atau pewarisan khazanah mereka.

Jadual 4: Peratusan tidak minat masyarakat Che Wong terhadap penghasilan produk dalam kalangan masyarakat orang asli Che Wong

Usia	Peratus (%)
10-20	95%
21-30	88%
31-40	62%
41-50	50%
50 keatas	10%

Hasil daripada temubual dan kajian soal selidik telah mendapati bahawa di peringkat usia 10-20 tahun menunjukkan peratusan paling tinggi, iaitu 95% tidak berminat dengan pembuatan material yang terdapat dalam kalangan mereka. Hal ini telah menunjukkan bahawa golongan muda dalam masyarakat Che Wong sudah tidak berminat dengan pembuatan produk masyarakat mereka.

Peratusan tidak berminat terhadap pembuatan ini terus mengecil apabila usia meningkat. Hal ini bererti hanya golongan responden yang berusia 50 tahun keatas sahaja yang masih meminati pembuatan produk walaupun kebanyakan responden masih berbangga dan menyayangi warisan Che Wong namun usaha untuk mereka sendiri mempertahankan khazanah ini kian luntur apabila anak muda sudah tidak berminat dengan penghasilan khazanah sendiri.

Khazanah masyarakat Che Wong dikatakan semakin hilang apabila terdapatnya faktor dalam masyarakat itu sendiri yang mendorong kepada hal ini. Kepakaran dan kebolehan menghasilkan barang-barang perhiasan yang dianggap sebagai budaya

material tidak diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya. Terdapat dua aspek kenapa aspek ini tidak diwarisi, iaitu aspek pertama kerana minat mereka sendiri (seperti huraian sebelum ini) dan yang kedua kerana tidak di warisi.

Maksud tidak diwarisi dalam konteks masyarakat orang asli ialah ianya tidak diturunkan dari satu generasi ke satu generasi seterusnya. Hal ini terbukti apabila seorang responden mengatakan bahawa “idak la belajar...susaa, wan kalo pandai laa”. Dialog ini merujuk kepada kemahiran untuk membuat baju kulit yang terdiri daripada kulit kayu ipoh. Baju kulit yang dianggap sebagai budaya material masyarakat ini dihasilkan dengan penuh tatacara dan kaedah yang tertentu.

Bagi menghasilkan sehelai baju kulit yang dipakai oleh orang-orang tertentu dalam majlis atau upacara tertentu ini memerlukan ketelitian dan tumpuan yang tinggi selain melibatkan kerja-kerja yang sangat rumit. Kebanyakan generasi muda tidak mengetahui dan tidak mengambil tahu proses ini. Golongan muda dan belia beranggapan bahawa baju kulit ini tidak lagi digunakan kerana mereka memakai pakaian normal seperti masyarakat Malaysia yang lain. Contohnya dapat dilihat dalam gambar yang sempat kami rakam ketika berada di perkampungan Che Wong seperti berikut:

Gambar 1: Masyarakat Che Wong



ii. *Faktor Kedua : Sukar*

Selain itu, kesukaran membuat produk atau kraftangan yang menjadi elemen budaya material mereka juga menjadi penghalang kepada penyuburan minat terhadap warisan dan tradisi mereka. Menurut responden ini penghasilan baju kulit ini dianggap sukar kerana adanya proses menyah-racunkan dan diikuti dengan proses pengeringan dan anyaman untuk membentuk sehelai baju serta mengambil masa yang lama untuk siap.

Oleh kerana beranggapan sukar, maka ilmu ini tidak dipelajari. Majoriti golongan remaja dan belia masyarakat orang asli Che Wong tidak mewarisi kebolehan dan keupayaan membuat baju ini dan mengabaikannya. Hal ini juga menyebabkan golongan yang lebih berusia yang mempunyai kemahiran ini juga tidak dapat menurunkan kebolehan mereka kepada generasi baru, dan golongan ini semakin sedikit. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan hal ini berdasarkan data yang diperolehi dilapangan:

Jadual 5: Jumlah peratusan terhadap kesukaran menghasilkan produk dalam kalangan masyarakat orang asli Che Wong

Umur	Peratusan	Jumlah Responden
10-20	95%	20
21-30	88%	17
31-40	60%	19
41-50	45%	15
50 keatas	10%	7

Golongan berusia diantara 10-20 tahun dan 21- 30 tahun menunjukkan peratusan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 95% dan 88% masing-masing berbanding golongan yang berusia 41-50 tahun dan 50 tahun ke atas masing dengan nilai peratusan 45% dan 10% sahaja. Berdasarkan jumlah peratusan ini jelaslah bahawa golongan yang berusia 40 tahun kebawah kebanyakan menganggap proses penghasilan produk yang merupakan salah satu kearifan tempatan yang perlu mereka lindungi sebenarnya adalah sukar. Oleh yang demikian jelaslah bahawa kesukaran untuk menghasilkan produk menjadi salah satu pendorong kepada hilangnya khazanah mereka.

Dengan anggapan bahawa produk yang dihasilkan oleh mereka tidak mempunyai nilai ekonomi yang tinggi dan tidak mendatangkan sebarang keuntungan, maka generasi muda masyarakat ini memilih untuk keluar bekerja di bandar-bandar kecil yang berhampiran ataupun berkhidmat dengan individu tertentu yang mempunyai perusahaan di sekitar kawasan tempat tinggal.

Sebagai contoh, Bumban (umur 42 tahun) yang mempunyai kemahiran menghasilkan rumah kayu tradisional masyarakat orang asli dan isterinya berkebolehan untuk menghasilkan anyaman bakul yang diperbuat daripada buluh memilih untuk bekerja dengan seorang pengusaha resort di kawasan tersebut sebagai tukang sapu. Menurut pasangan suami isteri ini, mereka memilih untuk berkerja sebegini daripada menghasilkan produk melalui kemahiran mereka. Hal ini demikian kerana melalui pekerjaan tersebut mereka memperoleh pendapatan yang tetap untuk tujuan keberlangsungan kehidupan mereka sekeluarga.

Proses penghasilan produk yang memakan masa yang lama dan kesukaran untuk mendapatkan bahan mentah akibat penerokaan hutan yang berleluasa menyebabkan mereka kurang berminat lagi untuk meneruskan usaha mereka. Bahkan kesukaran untuk memasarkan dan mengkomersilkan produk mereka, mendorong kepada mengabaikan terus kemahiran mereka ini. Hal ini juga terbukti apabila tidak ada lagi dalam kalangan masyarakat orang asli yang boleh menghasilkan topi rotan seperti anyaman di bawah lagi setelah individu yang boleh membuatnya meninggal dunia.

Gambar 2: Kraftangan topi masyarakat Che Wong



Keadaan ini sememangnya menjadi bukti jelas proses penghilangan khazanah masyarakat Che Wong ini.

iii. *Faktor 3 : Tiada Nilai Ekonomi*

Masyarakat Che Wong menganggap dan memaklumkan bahawa budaya material mereka tidak mempunyai ekonomi dan seolah-olah tidak diterima oleh masyarakat luar untuk dikomersialkan. Dengan anggapan sebegini mereka tidak lagi mempunyai minat untuk menghasilkan produk-produk tradisional mereka. Jadual dibawah boleh dirujuk untuk melihat peratusan dan kelompok usia yang menganggap produk mereka tidak mempunyai nilai ekonomi.

Jadual 6: Jumlah peratusan penghasilan produk dianggap tidak mempunyai nilai ekonomi dalam kalangan masyarakat orang asli Che Wong

Umur	Peratusan	Jumlah Responden
10-20	92%	20
21-30	89%	17
31-40	69%	19
41-50	55%	15
50 keatas	10%	7

Berdasarkan Jadual 6, golongan yang berumur 10 sehingga 50 tahun menunjukkan peratusan melebihi 50 %, iaitu 92% untuk umur 10-20 tahun, 89% untuk umur 21-30% dan 69% untuk umur 31-40 dan 55% sendiri untuk yang berumur 41-50 tahun. Hal ini menunjukkan bahawa golongan yang berusia 50 tahun kebawah majoritinya menganggap penghasilan produk mereka tidak mempunyai nilai ekonomi dan tidak mampu menjana pendapatan mereka serta tidak boleh dikomersialkan. Usaha untuk mengkomersialkan produk mereka mungkin masih belum dilakukan mengikut pelbagai saluran pemasaran yang sedia ada di

negara ini. Kekangan seperti ini akhirnya menjadi pendorong kepada faktor hilangnya khazanah mereka yang sangat ternilai dan berharga ini.

iv. *Faktor Keempat : Sibuk Dengan Urusan/Kerja Lain*

Seterusnya faktor keempat yang mendorong terhadap kehilangan budaya material dalam kalangan Che Wong ialah sibuk dengan urusan ataupun kerja lain. Arus pembangunan negara yang kian pesat membangun sedikit sebanyak telah meninggalkan kesan terhadap masyarakat Che Wong. Kini, terdapat masyarakat Che Wong telah mengorak langkah untuk bergaul dan berhadapan dengan masyarakat. Walaupun bilangan mereka yang melakukan perubahan ini hanya minoriti.

Berikut merupakan jumlah peratusan masyarakat Che Wong yang memilih urusan atau kerja lain daripada mempelajari warisan nenek moyang mereka. Antara contoh aktiviti lain yang kerap dijalankan oleh masyarakat Che Wong seperti belajar, berkerja kilang, bersukan, memburu, menjadi nelayan sungai, menoreh getah

Jadual 7: Jumlah peratusan masyarakat Che Wong yang memilih urusan atau kerja lain daripada mempelajari warisan nenek moyang.

Umur	Peratusan	Jumlah Responden
10-20	96%	20
21-30	96%	17
31-40	85%	19
41-50	50%	15
50 keatas	10%	7

Berdasarkan jadual di atas didapati bahawa peratusan umur yang paling tinggi menjalankan aktiviti lain daripada mempelajari tradisi nenek moyang ialah dalam kelompok umur 10-20 dan 21-30 tahun, iaitu sebanyak 96%. Kebanyakan kelompok umur ini lebih gemar bersukan dan berkerja diluar kawasan.

Gambar 3: Golongan belia masyarakat Che Wong sedang bersukan (sepak takraw)



Golongan belia ini juga menyatakan mereka gembira bekerja dengan pihak luar. Contohnya, ada dalam kalangan mereka yang bekerja dengan Pusat Jagaan Gajah yang terletak berhampiran dengan penempatan mereka. Mereka bukan sahaja memperolehi pendapatan tetap malah gembira kerana dapat bertemu dengan ramai pelancong yang melawat kawasan ini. Selain itu, ada juga dalam kalangan mereka yang berkerja dengan individu dan orang perseorangan untuk mengusahakan kebun sayuran dan kelapa sawit. Manakala golongan berusia 51 tahun ke atas iaitu hanya sebanyak 10% masih melakukan aktiviti harian biasa masyarakat ini untuk meneruskan keberlangsungan hidup mereka.

v. *Faktor Kelima: "Tidak Sesuai Lagi Dengan Kami"*

Selain itu juga, terdapat juga golongan dalam kalangan Che Wong yang menganggap warisan seperti pembuatan topi, baju kulit, lukah dan jampi serapah serta lain-lain hanya sesuai untuk orang-orang tua. Tambahan pula kebanyakan golongan belia Che Wong sudah kian ketinggalan dalam pengamalan jampi serapah masyarakat Che Wong. Terdapat juga diantara mereka yang sudah tidak tahu mengenai kewujudan perkara terbabit. Jadual 8 menunjukkan peratusan Che Wong yang setuju bahawa pewarisan nenek moyang ini sudah tidak sesuai untuk mereka.

Jadual 8: Jumlah peratusan Che Wong yang mengatakan warisan nenek moyang “tidak sesuai lagi dengan kami”

Umur	Peratusan	Jumlah Responden
10-20	98%	20
21-30	92%	17
31-40	75%	19
41-50	55%	15
50 keatas	8%	7

Secara amnya, golongan usia 10-20 masyarakat Che Wong memiliki peratusan tertingi bagi faktor kelima ini iaitu, 98%. Seterusnya diikuti oleh peringkat umur 21-30 tahun sebanyak 92%. Golongan Che Wong berusia 50 tahun keatas mendapat peratusan paling rendah, iaitu 15%. Golongan berusia 50 tahun ke atas masih mempunyai anggapan bahawa warisan nenek moyang mereka sesuai dengan kehidupan mereka. Hal ini kerana kebanyakan mereka masih mempunyai pegangan yang kuat terhadap amalan nenek moyang mereka dan mempunyai banyak pengetahuan dalam bidang ini berbanding golongan yang berusia 49 tahun ke atas.

vi. *Faktor Lain-Lain*

Faktor lain	Peratusan
Sikap pemalu	39%
Khazanah hutan diganggu	50%
Perubahan sosial	54%

Faktor lain-lain yang menyebabkan kehilangan budaya material masyarakat Che Wong ialah sikap pemalu masyarakat Che Wong, khazanah hutan yang semakin terganggu serta perubahan sosial kehidupan masyarakat ini. Sikap pemalu masyarakat Che Wong yang keterlaluan akhirnya menyebabkan kemahiran dan kebolehan mereka tidak dapat dikongsi oleh masyarakat luar dan sukar untuk didokumentasikan. Hal ini demikian kerana apabila ada pihak yang melakukan usaha ini mereka tidak memberikan maklumat dengan sepenuhnya kerana malu untuk berkomunikasi dengan masyarakat luar. Jika di tanya berkali-kali mereka akan memilih untuk mengatakan mereka tidak mengetahui hal tersebut.

Seterusnya, golongan tua masyarakat ini mendakwa bahawa khazanah hutan yang semakin terganggu juga mendorong kepada kehilangan budaya material mereka. Jika dahulu persekitaran kehidupan mereka yang dikelilingi hutan tebal dan tidak terganggu menyebabkan mereka mudah untuk menghasilkan sesuatu produk untuk kegunaan mereka. Namun kini, hutan yang semakin terganggu dan berlaku pelbagai kemusnahan maka sukar untuk masyarakat ini mencari bahan yang sesuai untuk penghasilan produk mereka. Keadaan ini ditambah dengan perubahan sosial kehidupan masyarakat ini selaras dengan arus kemodenan yang dicapai oleh negara kita. Keadaan hutan yang semakin terganggu dan perubahan sosial masyarakat ini yang menjurus kepada identiti masyarakat Malaysia yang lain seperti kaum Melayu akhirnya menyebabkan mereka tidak berusaha mempertahankan budaya material mereka. Perubahan sosial seperti perkahwinan campur dengan orang luar, sistem strata sosial yang tidak begitu kuat diamalkan lagi dan amalan sosial budaya yang semakin diabaikan sudah pasti mendorong kepada kehilangan budaya material masyarakat ini.

PENUTUP


Kesimpulannya, budaya material masyarakat Che Wong sememangnya diancam kepupusan dan dianggap semakin mengusang. Berdasarkan peratusan serta faktor yang mendorong budaya material masyarakat Che Wong terancam menunjukkan bahawa generasi muda masyarakat Che Wong ini tidak lagi mengambil sebarang inisiatif dan usaha dalam mempertahankan kebudayaan mereka. Hal ini menunjukkan sikap dan respon mereka terhadap budaya material mereka sangat rendah. Sekiranya tidak ada usaha untuk mempertahankan budaya material ini, maka ianya mungkin akan terpujus.

Selain itu persepsi masyarakat Che Wong terhadap kearifan tempatan masyarakat mereka juga turut negatif. Hal ini demikian kerana segelintir masyarakat Che Wong sudah menganggap kearifan tempatan yang dimiliki tiada nilai dan tidak perlu diteruskan lagi berdasarkan faktor yang telah dibincangkan. Tambahan lagi keadaan ekonomi dan perkembangan pembangunan kini telah menyebabkan masyarakat Che Wong turut sama ingin keluar dari kepompong asal mereka. Oleh itu, mereka beranggapan bahawa kearifan tempatan ini sudah tidak lagi relevan mengikut perkembangan arus dunia. Oleh yang demikian, pihak yang sepatutnya perlu memberi perhatian dan memainkan peranan penting dalam mempertahankan kebudayaan masyarakat ini.

Usaha untuk mendokumentasi aspek ini dilihat sebagai salah satu langkah yang terbaik. Hal ini demikian kerana generasi seterusnya dapat mempelajari aspek kebudayaan material ini dengan membuat rujukan atau melalui hasil pembacaan daripada proses pendokumentasian yang telah dilakukan. Selain itu, usaha untuk merekod dan merakam video mengenai proses dan cara menghasilkan sesuatu alatan juga boleh dilakukan demi memulihara budaya material masyarakat Che Wong ini. Sekiranya tiada sebarang usaha dilakukan untuk mengekalkan kebudayaan material masyarakat Che Wong ini, maka masyarakat ini akan kehilangan kearifan tempatan yang sangat bernilai dan berguna kepada kehidupan mereka. Kehilangan aspek kearifan tempatan

seterusnya menyebabkan kehilangan khazanah intelektual yang sering menjadi simbol identiti sesuatu masyarakat di dunia ini. Akhir sekali secara keseluruhannya peratusan faktor keterancaman budaya material masyarakat Che Wong dapat dilihat seperti di Carta Pai 1

Carta Pai 1: Faktor Keterancaman Budaya Material Masyarakat Che Wong



RUJUKAN

- A. Rahman, H. (2010). *Penglibatan Masyarakat Peribumi Dalam Isu Berkaitan Persekitaran: Tinjauan Terhadap Suku Mah Meri Di Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor*. Universiti Sains Malaysia: Nota penyelidikan kemanusiaan (111-134).
- A. Rahman, H. Ahmad, N. & Wahab, S, R. (2009). *Konsep-Konsep Asas Hubungan Etnik*. Dicapai pada 25 April, 2015 dari <http://eprints.utm.my/14559/1/>
- Abdullah, R. (2008). Orang Asli dalam Arus Pembangunan Nasional di Terengganu. dlm. Redzuan, M. & Gill, S. (Ed). *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Alias, A. (2012). *Pada Suatu Masa Di Pos Gob, Ulu Kelantan, Gua Musang: Nilai Kehidupan Tradisi Masyarakat Orang Asli Temiar*. Regional Conference on 188 Values and Humanities (RECOVH) 2012. Kota Bharu : Universiti Malaysia Kelantan. Tidak diterbitkan.
- Bon, A. T. (2003). *Kenali Kami : Masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Batu Pahat : Penerbit KUiTTTHO.
- Dollah, H, S. Bahri M. Radzi, S. Ishak & M. L. Abd. Rahman. (2004). *Cerita Orang Jakun Endau Rompin*. dalam. ICOSH'04. hlm. 162-171, 14-16 Disember 2004.
- Harun Mat Piah. (2003). *Sastera rakyat Malaysia, Indonesia, Negara Brunei Darussalam: Satu Perbandingan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Harun, N. & Hamid, N. A. (2010). Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) : *Sejauh mana melindungi Hak Orang Asli : Satu Kajian Perbandingan*. 1st International Conference on Public Policies & Social Science 2010 (IcoP 2010). Merbok : UiTM Kedah. 1-14.
- Hassan Mat Nor. 1988. *Warga bumi menghadapi cabaran pembangunan*. Kertas Kadangkala bil. 8. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hiwasaki L, Luna E, Syamsidik, Shaw R .(2014). *Local and indigenous knowledge for community resilience: Hydro-meteorological disaster risk reduction and climate change adaptation in coastal and small island communities*. UNESCO: Jakarta. p.60.
- Howell, Signe Lise & Melhuus, Marit (2007). *Race, Biology and Culture in Contemporary Norway: Identity and Belonging in Adoption, Donor Gametes and Immigration, In Peter Wade (ed.), Race, Ethnicity, and Nation: Perspectives from Kinship and Genetics*. Berghahn Books. ISBN 978-1-84545-355-8. Kapittel 3. s 53 – 73
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2006, 2010, 2012, 2015) dicapai pada 28 Januari 2015 daripada <http://www.jakoa.gov.my/>
- Jamal Rizal Razali dan Noriah Mohamed. (2011). A Brief Discussion of Identity and Language Survival of the Sihan Community in Sarawak, Malaysia. School of Humanities : Universiti Sains Malaysia.
- Jamal Rizal Razali. (2015). *Bahasa Che Wong di Mata UNESCO*. Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan: Universiti Malaysia Pahang
- Nicholas, C. (2000). *The Orang Asli And The Contest For Resources. Indigenous politics, Development And Identity In Peninsular Malaysia*. Copenhagen: International Work Group For Indigenous Affairs.

- Rosley, N. A. (2009). *Kajian Impak Pembangunan Terhadap Komuniti Orang Seletar: Kajian Kes Di Kg. Simpang Arang, Johor Bahru*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Sarjana.
- UNESCO. (2015). *Ethnologue Language Of the World*. dicapai pada 26 Januari 2015 daripada <http://www.ethnologue.com/language/cwg>.